



BBPJ4203 PROJECT II

**Sistem Kawalan Dalaman Dan Keberkesanan Audit
Dalaman Di Sektor Awam Malaysia (Kajian Kes Daerah
Muallim)**

RASMAN ABDULLAH

BACHELOR OF ACCOUNTING WITH HONOURS (BAC)

**OPEN UNIVERSITY MALAYSIA
JANUARI 2021**

ABSTRAK

Kajian kes ini ditulis sebagai sebahagian daripada Sarjana Muda Dalam Perakaunan (Kepujian) di Open University Malaysia. Kajian ini membincangkan Sistem Kawalan Dalaman Dan Keberkesanan Audit Dalaman Di Sektor Awam Malaysia (Kajian Kes Daerah Muallim). Ia mengambil kira kajian literatur dan juga melakukan penyelidikan empirikal bagi menyelesaikan kajian kes ini. Terdapat banyak risiko dan laporan yang dikeluarkan oleh media massa, dimana pentadbiran perkhidmatan awam telah berlaku perkara-perkara yang merosakkan integriti dikalangan penjawat awam. Oleh itu adalah menjadi satu perkara yang penting bagi jabatan dalam perkhidmatan awam mempunyai kawalan dalaman yang teratur dan cekap bagi menangani masalah integriti didalam perkhidmatan awam. Pengurusan tertinggi tidak mampu untuk menyelesaikan semua masalah yang dihadapi, oleh itu setiap perkhidmatan awam di kawasan tersebut harus menggunakan Sistem Kawalan Dalaman dan Audit Dalaman untuk mengurangkan masalah yang dihadapi. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetengahkan kepentingan fungsi kawalan dalaman, serta keberkesanan audit dalaman. Ia juga bertujuan untuk mendapatkan beberapa kesimpulan bagi peningkatan audit dalaman dan cara aktiviti di dalam perkhidmatan awam. Pengumpulan data dilakukan melalui soal selidik pada sampel 40 kakitangan awam terpilih. Pendekatan kuantitatif data dibuat dengan analisis statistik, dan grafik menggunakan Microsoft Office Excel 2016. Selain itu, terdapat juga beberapa cadangan yang diberikan untuk penyelidikan lebih lanjut.

Kata kunci: Sistem Kawalan Dalaman; Audit Dalaman; Perkhidmatan Awam; Keberkesanan Audit Dalaman.

Penghargaan

Pertama sekali dipanjatkan syukur kepada Allah SWT diatas kesihatan yang baik, kekuatan, dan keberanian untuk saya melanjutkan pengajian dan menjalankan kajian penyelidikan ini. Saya juga berterima kasih kepada keluarga saya terutama arwah ayahanda, bonda, adik beradik dan isteri tercinta serta anak-anak kerana telah menyokong saya secara moral dan rohani sepanjang tempoh pengajian dan kajian saya. Dorongan, nasihat dan sokongan mereka membolehkan saya berusaha keras untuk menamatkan kajian dengan jayanya.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada pembimbing kursus BBPJ4203, Pn Zulaihan Binti Ismail yang membimbing saya dari penulisan cadangan sehingga penulisan laporan akhir projek ini. Kritikan, kesabaran yang tidak ternilai, bimbingan intelektual dan sokongan membantu saya bukan sahaja untuk menyelesaikan kajian ini, tetapi juga untuk mencapai standard yang diharapkan. Yang benar, dia berhak mendapat semua jenis kredit.

PENGAKUAN

Dengan ini saya menyatakan kertas projek akhir (BBPJ4203) ini adalah hasil kerja saya sendiri, kecuali petikan dan ringkasan yang telah diakui dengan sewajarnya.

Tandatangan :

Tarikh : 20/4/2021

Nama : RASMAN ABDULLAH

No Matrik : 

KANDUNGAN

1	PENDAHULUAN.....	1
1.1	Pengenalan Bab.....	1
1.2	Latar Belakang Kajian.....	1
1.3	Latar Belakang Permasalahan Kajian.....	2
1.4	Persoalan Kajian.....	5
1.5	Objektif Kajian.....	6
1.6	Sumbangan Dan Kepentingan Kajian.....	7
1.6.1	Sumbangan Kajian.....	7
1.6.2	Kepentingan Kajian.....	8
1.7	Skop Kajian.....	9
1.8	Definisi Tajuk.....	9
1.9	Ringkasan.....	11
2	KAJIAN LITERATUR.....	13
2.1	Pengenalan.....	13
2.2	Perbincangan Teori Yang Berkaitan.....	13
2.3	Perbincangan Teori	19
2.4	Ringkasan.....	21
3	METODOLOGI KAJIAN.....	23
3.1	Pengenalan.....	23
3.2	Bentuk Kajian.....	23
3.3	Populasi Dan Sampel.....	24
3.4	Soal Selidik Penyelidikan.....	25
3.5	Pengumpulan Data.....	26
3.6	Analisis Data.....	30
3.8	Ringkasan.....	30
4	PEMBENTANGAN HASIL SOAL SELIDIK.....	33
4.1	Pengenalan.....	33
4.2	Profil Responden.....	34
4.2.1	Jantina Responden.....	34

4.2.2	Jawatan Responden.....	35
4.3	Keputusan Dan Analisis Soalan Kaji Selidik.....	35
4.3.1	Pembentangan objektif pemahaman penjawat awam terhadap kepentingan sistem kawalan dalaman dan audit dalaman dalam memastikan urus tadbir organisasi lebih cekap.....	36
4.3.2	Pembentangan objektif kajian sistem kawalan dalaman dapat memastikan kredibiliti dan integriti penjawat awam lebih berkesan.....	40
4.3.3	Pembentangan objektif kajian permasalahan yang dihadapi dalam melaksanakan sistem kawalan dalaman bagi tujuan audit dalaman.....	45
4.3.4	Pembentangan objektif kajian penerimaan penjawat awam untuk melaksanakan audit dalaman bagi tujuan memantapkan lagi mutu perkhidmatan yang ditawarkan.....	51
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN PENYELIDIKAN MASA DEPAN.....	56
5.1	Pengenalan.....	56
5.2	Kesimpulan Kajian.....	56
5.3	Batasan Kajian.....	58
5.4	Cadangan Kajian Di Masa Hadapan.....	58
	RUJUKAN.....	60

SENARAI RAJAH

Jadual 1: Coso Framework Cube.(Graham, 2015, P.4).....	27
Jadual 2: Skala Penarafan Likert 1.....	33
Jadual 3: Perbandingan Jantina Responden.....	34
Jadual 4: Perbandingan Jawatan Responden.....	35
Rajah 1.....	36
Rajah 2.....	37
Rajah 3.....	38
Rajah 4.....	39
Rajah 5.....	40
Rajah 6.....	41
Rajah 7.....	42
Rajah 8.....	43
Rajah 9.....	44
Rajah 10.....	45
Rajah 11.....	46
Rajah 12.....	47
Rajah 13.....	48
Rajah 14.....	49
Rajah 15.....	50
Rajah 16.....	51
Rajah 17.....	52
Rajah 18.....	53
Rajah 19.....	54
Rajah 20.....	55

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan Bab

Kajian ini akan dijalankan berdasarkan kepada beberapa kandungan. Kandungan-kandungan tersebut adalah seperti latar belakang kajian, latar belakang permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, sumbangan dan kepentingan kajian, skop kajian, dan definisi tajuk.

1.2 Latar Belakang Kajian

Tajuk kajian yang dipilih adalah ‘Sistem Kawalan Dalaman Dan Keberkesanan Audit Dalaman Di Sektor Awam Malaysia (Kajian Kes Daerah Muallim)’. Sebagai seorang pelajar dalam bidang perakaunan, pengkaji terasa amat perlu untuk membuat kajian mengenai tajuk ini kerana merasakan ia adalah berkaitan dengan apa yang dipelajari sebagai persediaan untuk menceburi bidang yang berkaitan dengan perakaunan.

Pemilihan tajuk ini adalah untuk mengetahui sejauh mana Sistem Kawalan Dalaman memberi kesan dalam menjalankan fungsi audit dalaman di dalam sektor awam. Ini adalah selaras dengan apa yang dinyatakan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil 2 Tahun 1979 (Pelaksanaan Audit Dalaman di Agensi Kerajaan Persekutuan). Pada Oktober 2004, pekeling ini telah digantikan dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil 9 Tahun 2004 bagi memantapkan lagi pelaksanaan audit dalaman di Kementerian dan Jabatan Persekutuan serta Kerajaan Negeri.

Sistem Kawalan Dalaman merupakan elemen penting yang dapat mengesan ketidakpatuhan dalam organisasi (KPMG Malaysia Fraud Survey Report 2009; Normah & Katerina 2012; Radu 2012). Mengikut Radu (2012), untuk mencapai objektif organisasi, pengurus hendaklah memilih bentuk, teknik atau prosedur sistem kawalan dalaman yang paling sesuai. Penguatkuasaan sistem kawalan dalaman sektor awam di Malaysia boleh dilihat sebagai langkah untuk meningkatkan sistem tadbir urus bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang cemerlang dapat dicapai. Contohnya, berlaku isu pembayaran yang tidak wajar (*improper payment*), pengurusan aset dan inventori yang tidak teratur, peruntukan yang tidak dibelanjakan mengikut tujuan sebenar dan kerja dilaksanakan tidak berkualiti serta tidak mengikut skop (Jan 2013). Keadaan ini menunjukkan sistem kawalan dalaman sektor awam di Malaysia masih lemah dan memerlukan tindakan penambahbaikan dengan segera. Kajian ini merungkai permasalahan di atas dengan menyiasat sejauh mana keberkesanan Sistem Kawalan Dalaman memberi impak kepada keberkesanan audit dalaman sektor awam di daerah Muallim, Perak.

1.3 Latar Belakang Permasalahan Kajian

Penggunaan sistem kawalan dalaman tidak hanya terhad pada fungsi kawalan organisasi. Sistem ini mempunyai kapasiti dan pengaruh yang berbeza yang memastikan prestasi organisasi dan matlamat dicapai bersama melalui sistem kawalan dalaman yang berkesan (Lansiluoto et al., 2016). Sistem ini menjadi perhatian utama bagi kebanyakan organisasi kerana manipulasi sistem ini sering

mengakibatkan tindakan salah laku seperti penipuan dan rasuah (Rosli et al., 2015). Sistem kawalan dalaman yang lemah memberi peluang kepada orang dalam organisasi untuk menyalahgunakan untuk kepentingan mereka (Bierstaker et al., 2006). Kawalan yang lemah akan memberi kesan kepada sistem lain dalam organisasi, yang akan memberi kesan terhadap kecekapan organisasi.

Kajian kes industri minyak dan gas menunjukkan bahawa sistem kawalan dalaman yang lemah mengurangkan keberkesanan pemerintahan dalam organisasi (Mizan et al., 2016). Kes di Malaysia telah menunjukkan selama bertahun-tahun sistem kawalan dalaman yang lemah memberi peluang kepada orang untuk melakukan penipuan. Kes pegawai kerajaan Malaysia di Sarawak yang membuat tuntutan palsu semasa bekerjasama dengan syarikat swasta menanggung kerugian wang hampir seratus lima puluh ribu dolar kerajaan (Ling, 2018). Kes jabatan perairan Sabah yang menyaksikan penyitaan lebih daripada dua puluh tujuh juta dolar tunai dan aset milik dua kakitangan kerajaan yang merupakan pengarah dalam organisasi tersebut (Lee, 2016). Hasil kajian syarikat minyak dan gas telah melihat bahawa kekurangan dalam sistem kawalan dalaman seperti pencatatan yang tidak betul, pengawasan personel yang rendah, kurangnya pemantauan dan kurangnya kawalan terhadap pengeluaran tunai kecil mengakibatkan peluang bagi orang untuk melakukan pencurian dan tindakan pelanggaran integriti (Mizan et al., 2016).

Terdapat kes salah laku yang telah dikenal pasti berlaku di dalam urus tadbir sektor perkhidmatan awam. Kes-kes seperti rasuah dan salahguna kuasa sering kali berlaku didalam perkhidmatan awam. Menurut Tan Sri Mohd Sidek

Bin Haji Hassan (2006), terdapat berbagai isu yang menggugat integriti perkhidmatan awam Malaysia. Yang paling kerap dibincangkan ialah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Kita sedia maklum, Kerajaan berpendirian *zero tolerance* terhadap rasuah, serta mengambil langkah-langkah tegas bagi menanganinya. Namun begitu, berdasar rekod Badan Pencegah Rasuah (BPR) Malaysia, secara amnya statistik aduan mengenai rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan menunjukkan peningkatan sejak enam tahun kebelakangan ini. Tohmahan atau maklumat paling banyak diterima adalah terhadap kakitangan awam, berbanding kumpulan yang lain, seperti orang awam, ahli politik atau anggota pentadbiran, dan pekerja swasta. Selain itu, statistik mengenai tangkapan berkaitan rasuah oleh BPR Malaysia menunjukkan bahawa lebih ramai kakitangan awam ditangkap berbanding sektor swasta dan orang awam. Ini adalah isu integriti yang menjejaskan imej perkhidmatan awam khususnya, dan Kerajaan amnya.

Malaysia kini berdepan dengan krisis integriti yang berpunca daripada amalan rasuah yang berleluasa. Amalan rasuah bukan hanya terbatas kepada penjawat awam, tetapi turut menular di kalangan orang awam dan sektor swasta. Kesan dari penularan amalan rasuah kepada sesebuah negara adalah merugikan, dimana ia boleh mencemarkan imej kerajaan dan negara di mata masyarakat dunia, mengurangkan pendapatan negara akibat dari ketirisan dan pengelakan cukai, mengurangkan kemasukan pelabur asing yang tidak yakin dengan kestabilan ekonomi negara, serta merencatkan pertumbuhan ekonomi negara yang akhirnya menyumbang kepada kenaikan inflasi (al-Qudsy et al 2009; al-Marhubi, 2000; Rock and Bonnett, 2004).

Pada tahun 2017, sebanyak 879 kes tangkapan rasuah telah dibuat oleh SPRM. Daripada jumlah ini, 409 kes melibatkan penjawat awam. Bagi tahun 2018, statistik setakat bulan Jun 2018 menunjukkan 147 kes adalah dikalangan penjawat awam (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, n.d.). Daripada statistik yang dipaparkan, sebanyak 124 kes melibatkan penjawat awam telah disabitkan dengan kesalahan rasuah sepanjang tahun 2017 sehingga Jun 2018 (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, n.d.). Amalan rasuah dikalangan penjawat awam boleh berlaku dalam semua peringkat jawatan, samada dari kumpulan pengurusan tertinggi, kumpulan pengurusan dan profesional, mahupun kumpulan sokongan. Berbanding dengan orang awam dan sektor swasta, kes rasuah melibatkan penjawat awam sering mendapat liputan meluas laporan berita tempatan kerana urusan mereka melibatkan kepentingan awam secara keseluruhan.

Berdasarkan kes-kes yang telah berlaku, sistem kawalan dalaman amat penting dalam memberi keberkesanan terhadap audit dalaman bagi sektor awam. Ini adalah untuk menjamin urus tadbir dalam organisasi sektor awam lebih cekap dan dapat mengelakkan berlakunya salah laku dan aktiviti rasuah dikalangan penjawat awam.

1.4 Persoalan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui hubungan diantara sistem kawalan dalaman dan keberkesanan audit dalaman dalam organisasi kerajaan.

Beberapa soalan telah dirangka untuk mencapai objektif kajian. Soalan-soalan adalah seperti berikut:

- 1) Apakah tahap pemahaman penjawat awam dalam pelaksanaan sistem kawalan dalaman dan audit dalaman di tempat kerja.
- 2) Adakah sistem kawalan dalaman yang dilaksanakan memberi kesan terhadap audit dalaman.
- 3) Apakah masalah yang dihadapi dalam melaksanakan sistem kawalan dalaman.
- 4) Bagaimana reaksi penjawat awam keatas pelaksanaan sistem kawalan dalaman dan audit dalaman.

1.5 Objektif Kajian

Tujuan utama pengkaji ingin melakukan kajian ini adalah untuk mencapai objektif-objektif kajian seperti berikut:

- 1) Mengenal pasti kepentingan sistem kawalan dalaman dan audit dalaman dalam memastikan urus tadbir organisasi lebih cekap.
- 2) Menganalisis kaedah sistem kawalan dalaman bagi memastikan kredibiliti dan integrasi penjawat awam lebih berkesan.
- 3) Mengenal pasti masalah yang dihadapi dalam melaksanakan sistem kawalan dalaman bagi tujuan melaksanakan audit dalaman.
- 4) Mengenal pasti penerimaan penjawat awam untuk melaksanakan audit dalaman bagi tujuan memantapkan lagi mutu perkhidmatan yang ditawarkan.

1.6 Sumbangan Dan Kepentingan Kajian

1.6.1 Sumbangan Kajian

Di Malaysia, keperluan bagi entiti sektor awam mempunyai fungsi audit dalaman yang dinyatakan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil 2 Tahun 1979 (Pelaksanaan Audit Dalaman di Agensi Kerajaan Persekutuan). Pada Oktober 2004, pekeling ini telah digantikan dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil 9 Tahun 2004 bagi memantapkan lagi pelaksanaan audit dalaman di Kementerian dan Jabatan Persekutuan serta Kerajaan Negeri. Audit dalaman kementerian/jabatan bertanggungjawab terhadap Ketua Setiausaha Kementerian (KSU)/Ketua Jabatan dan KSU/ Ketua Jabatan hendaklah memastikan keperluan sumber manusia audit dalaman sejajar dengan saiz dan operasi organisasi (Pekeling Perbendaharaan Bil 9 Tahun 2004). Sehubungan itu, pihak pengurusan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah terdiri daripada Ketua Jabatan dalam setiap organisasi kerajaan dalam daerah Muallim.

Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan satu garis panduan melalui surat bertarikh 9 Jun 2007 yang menyatakan pelaksanaan sistem kawalan dalaman dalam sektor awam di Malaysia merupakan salah satu strategi untuk mengurangkan penyelewengan, penipuan, rasuah, salah laku dan lain-lain. Selain itu, melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009, Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) perlu ditubuhkan di peringkat persekutuan dan negeri. Salah satu terma rujukannya merupakan pengujudan sistem kawalan dalaman di peringkat kementerian, jabatan dan agensi serta di peringkat negeri

masing-masing. Tambahan lagi, baru-baru ini usaha meningkatkan keberkesanan sistem kawalan dalaman dalam organisasi diperkuatkan lagi dengan penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013.

Dengan kajian yang dijalankan ini akan dapat mengukur pencapaian pelaksanaan sistem kawalan dalaman dan menjalankan audit dalaman di setiap sektor kerajaan khususnya di daerah muallim mengikut piawaian yang digariskan oleh pihak kerajaan supaya matlamat sistem kawalan dalaman dan audit dalaman tercapai.

1.6.2 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana sistem kawalan dalaman memberi kesan kepada pelaksanaan audit dalaman didalam organisasi kerajaan di daerah Muallim, Perak. Penerimaan penjawat awam di sekitar daerah Muallim bagi pelaksanaan sistem kawalan dalaman adalah dilihat sangat penting bagi memberi khidmat yang cemerlang kepada masyarakat.

Kajian ini akan dapat membantu sektor awam di daerah Muallim untuk menambah baik pengurusan mereka dengan mengambil kira kawalan dalaman yang perlu dipatuhi dalam mewujudkan satu tadbir urus yang baik. Hal yang demikian akan meningkatkan lagi kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan awam. Ketelusan dalam perkhidmatan awam akan meningkatkan lagi kredibiliti

institusi awam sebagai tanda aras dalam meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan dan pentadbiran mereka.

Kepentingan kajian ini juga adalah untuk melihat hubungan antara sistem kawalan dalaman dan kesan terhadap fungsi audit dalaman didalam sektor awam. Dengan kajian ini akan dapat membantu sektor awam dalam menjaga aset awam dan peruntukkan yang disalurkan bagi menjalankan perkhidmatan kepada masyarakat.

1.7 Skop Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menetapkan beberapa batasan kajian:

- 1) Kajian ini terbatas kepada penjawat awam yang berkhidmat di sektor kerajaan di dalam daerah Muallim, Perak sahaja.
- 2) Kajian ini hanya terbatas kepada bahagian urus tadbir organisasi dan tidak melibatkan bahagian lain.
- 3) Kajian ini terbatas kepada sistem kawalan dalaman dan bahagian audit dalaman sahaja.

1.8 Definisi Tajuk

Penggunaan istilah dalaman sesuatu kajian perlulah digariskan dengan konkrit dan terperinci mengenai maksud tertentu bagi mengelak kekeliruan dan

salah faham yang boleh berlaku kelak. Dengan itu beberapa perkataan telah digariskan yang mungkin akan menimbulkan kekeliruan.

a) Sistem Kawalan Dalaman

Merupakan satu sistem berintegrasi yang diwujudkan untuk memastikan sesebuah jabatan berada pada landasan untuk mencapai misinya, mengalakkan keberkesanan, mengurangkan risiko kehilangan aset-aset dan memastikan kesahihan data serta mengalakkan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan-peraturan.

b) Audit Dalaman

Mengikut takrif dari The Institute of Internal Auditors menyatakan Audit Dalaman adalah suatu aktiviti bebas dan objektif yang memberi jaminan dan rundingan untuk menambah nilai dan meningkatkan operasi organisasi. Ia membantu organisasi mencapai tujuannya dengan membawa pendekatan disiplin yang sistematik untuk menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dan tadbir urus.

c) Sektor Awam

Bidang yang berkaitan dengan kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri.

d) Penjawat Awam

Individu yang memegang jawatan dalam sektor awam dengan perkenan dari Yang Di Pertuan Agong dalam tempoh tertentu.

e) Integriti

Integriti ditakrifkan sebagai kejujuran (Kamus Dewan edisi 4) dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.

f) Muallim

Daerah ke-11 dalam negeri Perak. Telah dinaik taraf daripada daerah kecil Slim River/Tanjong Malim kepada daerah Muallim pada tahun 2015.

1.9 Ringkasan

Tajuk kajian yang dipilih adalah ‘Sistem Kawalan Dalaman Dan Keberkesanan Audit Dalaman Di Sektor Awam Malaysia (Kajian Kes Daerah Muallim)’. Pemilihan tajuk ini adalah untuk mengetahui sejauh mana Sistem Kawalan Dalaman dan keberkesanan fungsi audit dalaman di dalam sektor awam. Penguatkuasaan sistem kawalan dalaman sektor awam di Malaysia boleh dilihat sebagai langkah untuk meningkatkan sistem tadbir urus bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang cemerlang dapat dicapai. Penggunaan sistem kawalan dalaman tidak hanya terhad pada fungsi kawalan organisasi. Sistem ini mempunyai kapasiti dan pengaruh yang berbeza yang memastikan prestasi organisasi dan matlamat dicapai bersama melalui sistem kawalan dalaman yang berkesan. Sistem ini menjadi perhatian utama bagi kebanyakan organisasi kerana manipulasi sistem ini sering mengakibatkan tindakan salah laku seperti penipuan dan rasuah. Kawalan yang lemah akan memberi kesan kepada sistem lain dalam organisasi, yang akan memberi kesan terhadap kecekapan organisasi.

Dalam kajian ini, pengkaji merumuskan beberapa masalah kajian yang membawa kepada persoalan seperti peranan penjawat awam, prinsip yang didukung oleh penjawat awam, Sejauh mana sistem kawalan dalaman dapat mencegah berlakunya penyalahgunaan kuasa dikalangan penjawat awam, kaedah bagi menghalang penyalahgunaan kuasa berlaku, pelaksanaan audit dalam pengurusan sektor awam, penerimaan keatas pelaksanaan audit dalaman, dan masalah yang dihadapi dalam melaksanakan audit dalaman. Kajian ini mempunyai beberapa objektif dimana penjawat awam akan faham kepentingan sistem kawalan dalaman dalam urus tadbir organisasi. Ia juga dapat memastikan kredibiliti dan integrasi kerja penjawat awam akan lebih berkesan. Kajian ini juga mempunyai objektif dimana segala kelemahan dalam pelaksanaan sistem kawalan dalaman dan audit dalaman dapat dikenalpasti dan dapat diatasi.

Sumbangan kajian ini diharap akan dapat mengukur pencapaian pelaksanaan sistem kawalan dalaman dan menjalankan audit dalaman di setiap sektor kerajaan khususnya di daerah muallim mengikut piawaian yang digariskan oleh pihak kerajaan supaya matlamat sistem kawalan dalaman dan audit dalaman tercapai. Ini akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan cemerlang kepada masyarakat di dalam daerah Muallim, Perak

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Setelah dilakukan pembacaan dan pengumpulan maklumat, terdapat beberapa kajian lepas yang hampir sama telah dilakukan sebelum ini. Di sini akan membicarakan tentang kajian-kajian lepas berkaitan dengan pelaksanaan sistem kawalan dalaman dan audit dalaman disektor awam.

Sektor awam sentiasa dituduh tidak fleksibel dalam melakukan kegiatan sehari-hari dan banyak prosedur yang diragui, pentingnya menerapkan sistem kawalan dalaman tidak dapat dinafikan. Sektor awam adalah penjaga pihak berkepentingan, dan melindungi kepentingan mereka dengan memastikan setiap individu dilayan dengan adil untuk mencapai negara maju dan harmoni. Oleh itu, sistem dan prosedur yang dapat melindungi negara mesti dilaksanakan. Sistem kawalan dalaman harus dikembangkan agar dapat menampung dan melayani dengan efisien. Ia juga harus dimodifikasi untuk mengurangkan kerumitan dan pada masa yang sama menawarkan perlindungan yang mencukupi untuk pihak berkepentingan secara keseluruhan.

2.2 Kepentingan Kawalan Dalaman

Aziz, M., Said, J., & Alam, M. (2015) menyatakan, kajian ini cuba mengukur status amalan semasa sistem kawalan dalaman pelbagai skema perkhidmatan sektor awam di Malaysia. Beliau menyatakan, di antara jumlah

responden, 86.2% mengamalkan 10 faktor kawalan dalaman ini, dan 3.6% tidak. Jabatan awam memberikan keutamaan tertinggi dalam mendapatkan persetujuan dari pihak atasan mengenai dasar bertulis dan prosedur operasi dalaman dan memastikan dokumentasi dan pelaporan yang tepat berdasarkan peraturan dan undang-undang untuk semua transaksi kewangan dalam organisasi. Walau bagaimanapun, jabatan awam ini memberikan keutamaan terendah dalam memastikan pemahaman semua kakitangan mengenai peranan mereka dan kaitannya dengan aktiviti orang lain dan memastikan bahawa setiap peraturan dan peraturan di jabatan itu dipatuhi dan dipertanggungjawabkan. Kajian ini juga mendapati bahawa keutamaan faktor kawalan dalaman untuk skim perkhidmatan individu berbeza dengan keutamaan keseluruhan. Skor kawalan dalaman dalam skema kejuruteraan, sistem maklumat, pendidikan, dan perubatan dan kesihatan berada di bawah skor purata kawalan dalaman keseluruhan. Sistem kawalan dalaman kumpulan skim kewangan kuat, tetapi penekanan pada dokumentasi hanya rata-rata.

Kawalan dalaman adalah konsep multidimensi dan telah dibincangkan dalam banyak cara dalam literatur kawalan pengurusan (Agbejule & Jokipii, 2009; Bowrin, 2004). Ini bukan semata-mata prosedur atau pelaksanaan yang dilakukan pada masa tertentu. Secara relatif, ia adalah sistem bersepadu yang sentiasa beroperasi di semua peringkat dalam organisasi (Haron et al., 2010). Dalam perniagaan, organisasi menghadapi begitu banyak risiko setiap hari, dan itu termasuk kegagalan mekanisme kawalan dalaman, kegagalan kewangan, bencana atau bencana alam sekitar, ketidakpatuhan dan pelanggaran peraturan. Risiko ini

diperburuk oleh kemajuan teknologi, perkembangan perniagaan yang cepat, kecanggihan kewangan dan globalisasi pelbagai aspek, dan risiko tersebut telah memberikan sumbangan untuk meningkatkan kerumitan risiko yang harus ditanggung oleh syarikat.

Sistem kawalan dalaman yang baik akan memberi manfaat kepada organisasi dalam mencegah kejadian pembiayaan yang buruk serta membantu organisasi untuk bekerja dengan efisien dan harmoni pada masa mengesan kesilapan dan penyelewengan dalam operasinya (Pathak, 2005; Wardiwiyono, 2012). Organisasi juga telah menyedari kepentingan sistem kawalan dalaman dan juga pengurusan risiko, yang telah dianggap sebagai alat yang berguna dalam melindungi pencapaian objektif syarikat secara keseluruhan dan dalam meningkatkan nilai pemegang saham (Aziz, 2013).

Sistem kawalan dalaman juga memainkan peranan penting dalam amalan audit dalaman kerana juruaudit dalaman mungkin dianggap sebagai pakar dalam kawalan pengurusan (Fadzil et al., 2005). Oleh itu, menurut Bowrin (2004), ia adalah satu komponen penting dalam struktur tadbir urus keseluruhan organisasi, yang bertujuan untuk mengarah dan mengawal aktiviti-aktivitinya dengan menggalakkan ketelusan, akauntabiliti, tanggungjawab dan keadilan kepada semua pihak yang berkepentingan.

Dalam organisasi sektor awam, peranan kawalan dalaman adalah untuk mendukung pembentukan sistem pada saat memupuk pertanggungjawaban pembuat keputusan (Bianchi, 2010). Walau bagaimanapun, gagal untuk mewujudkan sistem yang boleh dipercayai dan boleh dipercayai boleh merosakkan

organisasi yang menyeronokkan dan menarik dengan mendedahkan risiko kepada usaha-usaha memupuk akauntabiliti dalam sektor awam. Kebergantungan yang lebih tinggi pada sistem kawalan selalu dikaitkan dengan harapan yang lebih tinggi dengan meningkatkan kebertanggungjawaban dalam organisasi (Liu, 2011). Oleh kerana sistem kawalan dalaman memberikan penekanan terhadap kebertanggungjawaban, oleh itu, praktiknya di sektor awam nampaknya sangat penting pada setiap tahap dalam meningkatkan kebertanggungjawaban dalam organisasi sektor awam.

Audit dalaman sektor awam telah diteliti oleh pelbagai penyelidik di seluruh dunia. Tidak menghairankan bahawa banyak negara menghadapi dilema dalam menguruskan audit dalaman di negara mereka. Dulu audit dalaman di sektor awam berfungsi sebagai prosedur pentadbiran sederhana yang terdiri terutamanya dari memeriksa ketepatan transaksi, verifikasi dan kawalan pra-pembayaran, menghitung aset dan melaporkan peristiwa masa lalu kepada pelbagai jenis pengurusan. Berdasarkan Deloitte (2011), gabungan pasukan telah membawa kepada revolusi yang tenang dalam profesion ini pada tahun-tahun kebelakangan ini. Kerajaan bergerak ke arah tahap ketelusan yang lebih tinggi mesti menunjukkan akauntabiliti dalam penggunaan wang awam dan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan. Operasi yang lebih besar dan lebih kompleks menuntut kecekapan yang lebih besar dan profesionalisme daripada juruaudit dalaman untuk mengurangkan dan menguruskan risiko (Deloitte, 2011).

Pada tahun 2007, sepasukan penyelidik yang diketuai oleh A. Md Ali telah melakukan penyelidikan mengenai audit dalaman di kerajaan negeri dan tempatan

Malaysia. Hasil dapatan dari wawancara mendalam yang dilakukan dengan juruaudit dalaman dari 35 Badan Kerajaan Negeri dan Tempatan (SLoGB) yang terletak di Semenanjung Malaysia pada suku ketiga tahun 2003 menunjukkan bahawa fungsi audit menghadapi banyak cabaran. Ini adalah tambahan kepada fakta bahawa hanya 35 dari 202 SLoGB pada masa itu mempunyai fungsi audit dalaman. Penyelidikan ini juga menekankan mengenai kekurangan kakitangan, dan kekurangan kemahiran dan latihan untuk halangan yang direncanakan oleh auditees, antara lain, juruaudit dalam usaha mereka melaksanakan tugas mereka (Ali et al, 2007).

Setelah selesainya kajian audit dalaman di kerajaan negeri dan daerah, satu lagi penelitian dilakukan oleh pasukan penyelidik (Ali et al 2007). Kali ini berkaitan dengan audit dalaman di kementerian, jabatan dan badan berkanun kerajaan persekutuan. Penemuan dari wawancara mendalam yang dilakukan dengan juruaudit dalaman dari empat puluh organisasi mendedahkan sejumlah kekurangan serius yang jauh melebihi beberapa kebaikan yang dikenal pasti (Ali et al, 2007). Kekurangan ini adalah bahawa banyak unit audit dalaman menghadapi kekurangan kakitangan, dan kekurangan staf dalam kecekapan audit dalaman. Di samping itu, sebilangan besar unit audit dalaman, yang kebanyakannya beroperasi dalam mod audit ketinggalan zaman, gagal mendapatkan sokongan dan bantuan yang tepat dari Perbendaharaan dan pihak lain. Lebih buruk lagi, keberkesanan dan kecekapan mereka semakin terancam oleh tindakan NAD yang memindahkan pegawai kadernya yang kelihatan secara rawak masuk dan keluar dari unit audit dalaman (Ali et al, 2007).

Fakta bahawa audit dalaman yang berkesan dapat menyumbang kepada kesan yang signifikan terhadap kualiti pengurusan telah menimbulkan minat para penyelidik untuk meneroka perkara ini. Keberkesanan audit dalaman akan menyumbang kepada keberkesanan pelanggan dan organisasi secara keseluruhan (M. Dittenhofer, 2001). Penemuan dan cadangan audit dalaman jelas penting bagi pengurusan pejabat awam untuk tindakan lanjut dan segera memperbaiki masalah dalam organisasi. Mihret & Yismaw (2007), mencadangkan organisasi sektor awam diharuskan mempunyai fungsi audit dalaman untuk menyokong pengurusan yang berkesan dalam menguruskan dana awam. Begitu banyak penemuan dari kajian yang dilakukan menghubungkan keberkesanan sumbangan juruaudit dalaman dengan pengurusan dan kawalan dalaman agensi yang berkesan. Menurut Okafor & Ibadin (2009), bahawa audit dalaman memainkan peranan penting dalam meningkatkan tadbir urus korporat dalam organisasi. Dari segi pertanggungjawaban dan hubungan pengurusan, Saren dan De Beelde (2006), mendapati bahawa Juruaudit Dalaman memainkan peranan perintis dalam penciptaan tahap risiko dan kesedaran kawalan yang lebih tinggi dalam menguruskan risiko dalam sistem pengurusan. Audit dalaman adalah 'penyedia keselesaan' kepada Jawatankuasa Audit terutamanya dalam peranan jaminan dan penglibatannya dalam meningkatkan kawalan dalaman (G. Saren & I. De Beelde, 2006)

Cristina dan Cristina (2008) telah mengenal pasti jenis pengukuran yang paling signifikan untuk mengukur keberkesanan audit dalaman iaitu dari segi kuantitatif, kualitatif dan kedua-duanya. Bagi kaedah kuantitatif, mereka

menunjukkan bahawa enam item boleh digunakan untuk mengukur keberkesanan audit dalaman. Item tersebut adalah penentuan memenuhi tahap rancangan audit dalaman, pengenalpastian tempoh yang diperlukan bagi pengeluaran laporan audit dalaman, memantau tempoh yang diperlukan untuk menyelesaikan penemuan audit, penilaian terhadap tahap pendidikan juruaudit, penentuan laporan antara masa yang diperuntukkan bagi aktiviti audit dalaman tertentu dan masa yang diperuntukkan terhadap aktiviti pentadbiran. Manakala bagi kaedah kualitatif, Cristina dan Cristina (2008) mencadangkan kajian soal selidik atau temuduga dilaksanakan ke atas pihak pengurusan dan pihak yang diaudit mengenai pendapat mereka berkenaan laporan audit yang boleh memberi nilai tambah kepada organisasi. Cristina dan Cristina (2008) juga memperkenalkan model kad skorimbangan bagi mengukur keberkesanan audit dalaman melalui gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Cohen dan Sayag (2010) menggunakan tiga puluh tujuh (37) item untuk mengukur keberkesanan audit dalaman yang diklasifikasikan kepada sumbangan tambahan audit dalaman, penilaian oleh organisasi yang diaudit dan kualiti audit. Mereka memberi kesimpulan bahawa keberkesanan audit dalaman sangat bergantung kepada ciri-ciri organisasi berbanding kelayakan dan penetapan kerja juruaudit dalaman. Secara kesimpulannya, keberkesanan audit dalaman dapat diukur melalui pencapaian objektif audit dalaman yang seterusnya dapat memberi nilai tambah kepada organisasi yang diaudit.

2.3 Perbincangan Teori

Berdasarkan konsep teori kontingensi yang digunakan, struktur yang terdapat dalam sistem kawalan dalaman organisasi akan mempengaruhi prestasi organisasi. Konsep ini juga digunakan dalam kajian ini iaitu berkaitan dengan keberkesanan sistem kawalan dalaman yang akan mempengaruhi prestasi audit dalaman. Ini kerana audit dalaman merupakan salah satu unit dalam organisasi yang menyumbang kepada peningkatan prestasi organisasi. Teori kontingensi merupakan teori tingkah laku dan pembolehubahnya terdiri daripada persekitaran, teknologi, saiz, struktur organisasi, strategi dan budaya (Chenhall 2003). Struktur organisasi adalah spesifikasi khusus mengenai peranan bagi setiap ahli atau kumpulan dalam organisasi untuk memastikan setiap aktiviti organisasi dapat dilaksanakan (Chenhall 2003). Menurut Chenhall lagi, penstrukturan boleh mempengaruhi kecekapan kerja, motivasi individu, aliran maklumat dan sistem kawalan yang boleh membantu membentuk masa depan organisasi. Secara umumnya, Lawrence dan Lorsch (1967) mengklasifikasikan struktur organisasi kepada perbezaan segmentasi dan integrasi dalam sesebuah organisasi. Perbezaan segmentasi merujuk kepada sejauh mana pengurus sub unit bertindak mengikut peranan masing-masing, manakala integrasi merujuk kepada proses aktiviti dalam setiap segmentasi tersebut bersepadu bagi mencapai misi organisasi. Organisasi akan menstruktur sistem kawalan dalaman berdasarkan ciri-ciri persekitaran dalaman dan luaran organisasi masing-masing. Oleh itu, keberkesanan sistem kawalan dalaman merupakan pembolehubah kontingen yang dapat meningkatkan prestasi audit dalaman dari aspek keberkesanan audit dalaman. Konsisten dengan teori kontingensi dan disokong dengan kajian lepas, keberkesanan sistem kawalan

dalam dikatakan boleh membantu meningkatkan keberkesanan audit dalam sektor awam di Malaysia.

2.4 Ringkasan

Perkhidmatan didalam sektor awam sentiasa dipersoalkan dan dikatakan tidak mesra pelanggan. Ia juga dikatakan mempunyai banyak prosedur yang diragui. Disebabkan ini sistem kawalan dalam harus diterapkan didalam sektor awam.

Teori kontengensi telah dijadikan asas kepada pentingnya kajian dilakukan bagi memastikan sistem kawalan dalam yang baik di sektor awam akan memberi kesan kepada pelaksanaan audit dalam. Jabatan awam telah memberikan keutamaan terendah dalam memastikan pemahaman semua kakitangan mengenai peranan mereka dan kaitannya dengan aktiviti orang lain dan memastikan bahawa setiap peraturan dan peraturan di jabatan itu dipatuhi dan dipertanggungjawabkan. Oleh kerana sistem kawalan dalam memberikan penekanan terhadap kebertanggungjawaban, oleh itu, praktiknya di sektor awam nampaknya sangat penting pada setiap tahap dalam meningkatkan kebertanggungjawaban dalam organisasi sektor awam. Audit dalam sektor awam telah diteliti oleh pelbagai penyelidik di seluruh dunia. Tidak menghairankan bahawa banyak negara menghadapi dilema dalam menguruskan audit dalam di negara mereka. Dulu audit dalam di sektor awam berfungsi sebagai prosedur pentadbiran sederhana yang bersendirinya terutama dalam memeriksa ketepatan transaksi, verifikasi dan

kawalan pra-pembayaran, menghitung aset dan melaporkan peristiwa masa lalu kepada pelbagai jenis pengurusan.

Fakta bahawa audit dalaman yang berkesan dapat menyumbang kepada kesan yang signifikan terhadap kualiti pengurusan telah menimbulkan minat para penyelidik untuk meneroka perkara ini. Penemuan dan cadangan audit dalaman jelas penting bagi pengurusan pejabat awam untuk tindakan lanjut dan segera memperbaiki masalah dalam organisasi.

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini mengenal pasti populasi yang merupakan "kumpulan sasaran" penyelidikan dan sampel populasi yang merupakan subset yang diperlukan, untuk mencapai tujuan penyelidikan dan membuat kesimpulan. Lebih-lebih lagi, ia menerangkan teknik sampel yang dipilih.

3.2 Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik bagi mengumpul data. Responden bagi kajian ini dipilih berdasarkan kaedah persampelan bertujuan, iaitu di kalangan agensi sektor awam di daerah Muallim, Perak yang mempunyai audit dalaman. Sektor awam di Malaysia mempunyai tiga peringkat iaitu kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Di samping itu, terdapat badan berkanun yang merupakan agensi di bawah kerajaan persekutuan dan negeri diperbadankan di bawah akta tertentu. Pengkaji telah memilih penjawat awam yang bertugas di Majlis Daerah Tanjong Malim dan Politeknik Sultan Azlan Shah sebagai sampel untuk kajian ini.

Kebanyakan kajian lepas seperti Badara dan Siti (2014), Karagiorgos et al. (2011), Ninlaphay et al. (2012) serta Sawalqa dan Qtish (2012) menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan data. Semua soalan merupakan soalan tertutup (close-ended) kerana ia mudah untuk memproses jawapan dan

perbandingan jawapan mudah dibuat (Bryman & Bell 2007). Soal selidik ini dibahagikan kepada dua (2) bahagian iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A mengandungi soalan mengenai Sistem Kawalan Dalaman dalam organisasi perkhidmatan awam. Bahagian B adalah soalan mengenai keberkesanan kawalan dalaman keatas audit dalaman perkhidmatan awam.

3.3 Populasi Dan Sampel

Kajian ini menggunakan teknik rawak mudah. Soal selidik dihantar melalui borang elektronik (e-mel) dan dalam bentuk bercetak kepada pekerja. Akibatnya, sampel itu sesuai, kerana soal selidik dihantar terus ke organisasi yang dipilih dan itu juga merupakan akses terbaik, kerana rakan sekerja, kenalan dan rakan bekerja di dalamnya. Soal selidik yang dihantar dialamatkan terus kepada ketua audit dalaman kerana mereka bertanggungjawab secara langsung untuk memantau dan menilai kecukupan dan keberkesanan Sistem Kawalan Dalaman organisasi yang diaudit (Aikins 2011; Ninlaphay et al. 2012). Prosedur susulan dibuat dengan menghubungi responden selepas seminggu soal selidik dihantar melalui e-mel dan selepas dua minggu 7 soal selidik dihantar melalui pos bagi memastikan soal selidik sampai kepada responden yang sepatutnya. Prosedur susulan kedua dibuat sekali lagi ke atas responden yang masih belum mengembalikan jawapan selepas sebulan soal selidik dihantar. Teknik ini dapat meningkatkan kadar respon dan merupakan antara teknik yang disarankan oleh Bryman dan Bell (2011).

Kajian ini menggunakan kaedah Persampelan Bukan Rawak iaitu Persampelan Dimensi (*Dimensional Sampling*). Hanya sebilangan kecil subjek mempunyai ciri-ciri khas yang diminati pengkaji, dijadikan sebagai responden kajian. Persampelan dimensional digunakan untuk mengurangkan masalah saiz sampel dalam prosedur persampelan kuota. Di bawah persampelan ini, pengkaji mengenal pasti ciri-ciri (faktor-faktor atau variabel bebas) yang diminati dalam populasi dan memilih sekumpulan kecil (sekurang-kurangnya seorang) responden yang mempunyai semua ciri tersebut.

3.4 Soal Selidik Penyelidikan

Semua soalan dalam soal selidik berasal dari analisis skala Likert lima mata, yang mengukur jawapan positif atau negatif terhadap pernyataan yang diklasifikasikan sebagai berikut:

1. Sangat tidak setuju
2. Tidak setuju
3. Berkecuali
4. Setuju
5. Sangat setuju


Skala Likert digunakan agar responden mesti menunjukkan tahap persetujuan atau perselisihan mengenai perkara audit dalaman. Skala soalan yang digunakan dalam soal selidik seimbang dengan jumlah jawapan positif dan negatif yang sama.

3.5 Pengumpulan Data

Mengenai pengumpulan data, dianggap tidak perlu untuk memberikan penjelasan semasa menyelesaikan soal selidik. Soalan-soalan itu mudah difahami oleh peserta tanpa penjelasan yang luas untuk menjawabnya. Setelah mengumpulkan borang soal selidik, pemeriksaan kesempurnaan dan kesahihannya dibuat. Tinjauan (termasuk soal selidik) diselesaikan dengan betul.

Tujuan penyelidikan ini yang dilakukan melalui soal selidik, adalah untuk mengenal pasti apakah semua komponen kawalan dalaman dan sistemnya, sangat penting dalam keberkesanan audit dalaman dalam menjalankan tanggungjawab kepada masyarakat dan kejayaan sektor awam.

Soal selidik ini dirancang dengan cara yang memudahkan penyelesaian dengan cepat dan oleh itu, terdiri daripada dua bahagian. Bahagian pertama soal selidik berkaitan dengan lima mekanisme kerangka kerja COSO (Jawatankuasa Penaja Organisasi Treadway Commission). Ini adalah kerangka kerja yang terkenal dan diterima untuk fungsi audit dalaman dan ia menilai kawalan dalaman dan mengukur keberkesanan sistem kawalan dalaman (Candrea, 2006). Lima komponen kerangka COSO yang dianalisis dalam soal selidik adalah berikut:



Jadual 1 Kerangka kiub COSO (Graham, 2015, p.4)

a) Kawalan Persekitaran

Persekitaran kawalan menerangkan satu set standard, proses, dan struktur yang menjadi asas untuk melaksanakan kawalan dalaman di seluruh organisasi. Menurut Institut Juruaudit Dalaman (IIA), persekitaran kawalan adalah asas di mana sistem kawalan dalaman yang berkesan dibina dan dikendalikan dalam organisasi yang berusaha untuk mencapai objektif strategiknya, memberikan pelaporan kewangan yang boleh dipercayai kepada dalaman dan pihak berkepentingan luaran, mengendalikan perniagaannya dengan cekap dan berkesan, mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berlaku, dan melindungi asetnya.

b) Penilaian Risiko

Merupakan asas untuk menentukan bagaimana risiko akan diuruskan. Risiko didefinisikan sebagai kemungkinan peristiwa itu berlaku dan memberi kesan buruk terhadap pencapaian objektif organisasi. Penilaian risiko memerlukan pengurusan untuk mempertimbangkan kesan kemungkinan perubahan dalam

persekitaran dalaman dan luaran dan berpotensi mengambil tindakan untuk menguruskan kesannya.

c) Kegiatan Kawalan

Merupakan tindakan (umumnya dijelaskan dalam dasar, prosedur, dan piawaian) yang membantu pihak pengurusan mengurangkan risiko untuk memastikan pencapaian objektif. Kegiatan kawalan mungkin bersifat pencegahan atau detektif dan boleh dilakukan di semua peringkat organisasi.

d) Maklumat

Ia diperoleh atau dihasilkan oleh pengurusan dari sumber dalaman dan luaran untuk menyokong komponen kawalan dalaman. Komunikasi berdasarkan sumber dalaman dan luaran digunakan untuk menyebarkan maklumat penting di seluruh dan di luar organisasi, seperti yang diperlukan untuk menanggapi dan menyokong memenuhi keperluan dan harapan. Komunikasi dalaman maklumat di seluruh organisasi juga membolehkan pengurusan kanan menunjukkan kepada pekerja bahawa aktiviti kawalan harus diambil dengan serius.

e) Aktiviti Pemantauan

Merupakan penilaian berkala atau berterusan untuk mengesahkan bahawa masing-masing lima komponen kawalan dalaman, termasuk kawalan yang mempengaruhi prinsip-prinsip dalam setiap komponen, ada dan berfungsi. sekitar produk mereka.

Bahagian kedua soal selidik merujuk kepada sistem kawalan dalaman. Ia prihatin dengan masalah, yang berkaitan dengan ciri-ciri Sistem Kawalan Dalaman yang Efektif. Setiap organisasi mempunyai keperluan, bentuk dan ukuran yang

berbeza. Oleh itu, ciri-ciri Sistem Kawalan Dalaman yang sesuai adalah seperti berikut:

1) Kebebasan

Kebebasan bermaksud bahawa juruaudit mempunyai akses ke semua aktiviti, fail, dan proses unit ekonomi dan mereka juga menjalankan kawalan mereka, bebas dari sebarang tindakan dengan mempunyai komitmen pihak Pengurusan.

2) Rancangan organisasi

Di setiap sektor awam, kewujudan rancangan organisasi diperlukan yang mengenal pasti fungsi dan tanggungjawab setiap jabatan. Rancangan organisasi ini harus dikaji setiap kali ada perubahan yang menjadikannya perlu.

3) Sistem kuasa, tanggungjawab dan tanggungjawab yang memuaskan

Setiap jabatan kawalan dalaman hendaklah terdiri daripada staf yang cekap dan baik dimana semua mereka memerlukan pengalaman dan kebiasaan dengan semua transaksi.

4) Kakitangan audit dalaman yang sesuai

Seperti yang ditunjukkan dalam praktiknya, juruaudit terbaik adalah mereka yang selama bertahun-tahun bekerja di pelbagai bidang sebagai pekerja dan eksekutif kerana mereka memperoleh banyak pengalaman dan pengetahuan. Juruaudit harus dapat mengesan kesilapan dan urus niaga yang mencurigakan dan harus "dibaca antara baris" dan mempunyai wawasan untuk mengenal pasti kesilapan dan peninggalan yang mungkin mempunyai kesan yang signifikan. Ia memerlukan latihan dan penglibatan yang berterusan dengan setiap objek

kerana prosedurnya sentiasa berubah dan oleh itu juruaudit harus diisi semula dengan kaedah kawalan baru.

3.6 Analisis Data

Pengumpulan data dilakukan melalui soal selidik pada sampel yang diperolehi. Analisis kuantitatif data dibuat dengan analisis statistik, dan grafik. Penemuan tinjauan ini, membimbing pengkaji dalam membuat kesimpulan sebagai panduan untuk peningkatan kawalan dalaman dan meningkatkan keberkesanan audit dalaman disektor awam. Lebih-lebih lagi, terdapat juga beberapa cadangan yang diberikan untuk penyelidikan lebih lanjut. Soalan soal selidik berasal dari analisis skala Likert lima titik yang mengukur tindak balas positif atau negatif terhadap pernyataan yang diklasifikasikan.

3.8 Ringkasan

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik bagi mengumpul data. Responden bagi kajian ini dipilih berdasarkan kaedah persampelan bertujuan, iaitu di kalangan agensi sektor awam di daerah Muallim, Perak yang mempunyai audit dalaman. Pengkaji telah memilih penjawat awam yang bertugas di Majlis Daerah Tanjong Malim dan Politeknik Sultan Azlan Shah sebagai sampel untuk kajian ini.

Kaedah soal selidik adalah dengan menghantar borang melalui elektronik (e-mel) dan dalam bentuk bercetak kepada responden. Soal selidik ini akan dialamatkan kepada ketua audit dalaman kerana mereka bertanggungjawab secara

langsung agar mudah untuk memantau proses tersebut. Prosedur susulan dibuat dengan menghubungi responden selepas seminggu soal selidik dihantar melalui e-mel. Prosedur susulan kedua dibuat sekali lagi ke atas responden yang masih belum mengembalikan jawapan selepas sebulan soal selidik dihantar. Teknik ini dapat meningkatkan kadar respon dan merupakan antara teknik yang disarankan oleh Bryman dan Bell (2011).

Responden yang digunakan berdasarkan kepada kaedah persampelan dimensi dimana responden adalah kakitangan yang bertugas di bahagian pertadbiran dan kewangan.

Semua soalan dalam soal selidik berasal dari analisis skala Likert lima mata, yang mengukur jawapan positif atau negatif terhadap pernyataan yang diklasifikasikan. Skala Likert digunakan agar responden mesti menunjukkan tahap persetujuan atau perselisihan mengenai perkara audit dalaman. Skala soalan yang digunakan dalam soal selidik seimbang dengan jumlah jawapan positif dan negatif yang sama.

Setelah mengumpulkan borang soal selidik, pemeriksaan kesempurnaan dan kesahihannya akan dibuat. Tinjauan (termasuk soal selidik) diselesaikan dengan betul.

Tujuan penyelidikan ini yang dilakukan melalui soal selidik, adalah untuk mengenal pasti apakah semua komponen kawalan dalaman dan sistemnya, sangat penting dalam keberkesanan audit dalaman dalam menjalankan tanggungjawab kepada masyarakat dan kejayaan sektor awam. Soal selidik ini terdiri daripada dua

bahagian. Bahagian pertama soal selidik berkaitan dengan lima mekanisme kerangka kerja COSO (Jawatankuasa Penaja Organisasi Treadway Commission). Bahagian kedua soal selidik merujuk kepada sistem kawalan dalaman. Ia prihatin dengan masalah, yang berkaitan dengan ciri-ciri Sistem Kawalan Dalaman yang Efektif.

Pengumpulan data dilakukan melalui soal selidik pada sampel yang diperolehi. Analisis kuantitatif data dibuat dengan analisis statistik, dan grafik. Penemuan tinjauan ini, membimbing pengkaji dalam membuat kesimpulan sebagai panduan untuk peningkatan kawalan dalaman dan meningkatkan keberkesanan audit dalaman di sektor awam.

PEMBENTANGAN HASIL SOAL SELIDIK

4.1 Pengenalan

Seperti yang telah dinyatakan dalam bab sebelum ini, pengumpulan data telah dijalankan melalui soal selidik keatas sampel rawak seramai empat puluh kakitangan awam di Majlis Daerah Tanjong Malim dan Politeknik Sultan Azlan Shah. Analisis kuantitatif data dibuat dengan analisis statistik, dan grafik menggunakan Microsoft Office Excel 2016. Penemuan tinjauan ini, membimbing pengkaji dalam membuat kesimpulan sebagai panduan untuk peningkatan kawalan dalaman dan meningkatkan keberkesanannya di sektor awam. Selain itu, terdapat juga beberapa cadangan yang diberikan untuk penyelidikan lebih lanjut. Soalan soal selidik berasal dari analisis skala Likert lima mata yang mengukur sama ada tindak balas positif atau negatif terhadap pernyataan yang diklasifikasikan sebagai berikut:

SKALA	PENARAFAN
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Berkecuali
4	Setuju
5	Sangat setuju

Jadual 2: Skala Penarafan Likert 1

Setiap soalan telah dianalisis dengan analisis statistik pemboleh ubah, menunjukkan jadual frekuensi dan kadar peratus. Terdapat graf bar bagi setiap soalan yang menunjukkan peratusan responden yang memberi penarafan keatas soalan kaji selidik yang dikemukakan. Ini menjadikan penafsiran terhadap soalan kaji selidik menjadi lebih mudah untuk disampaikan. Bahagian pertama soal selidik merujuk kepada Kawalan Dalaman bagi perkhidmatan awam.

4.2 Profil Responden

Kajian ini melibatkan empat puluh (40) orang responden. Responden merupakan kakitangan Majlis Daerah Tanjong Malim dan Politeknik Sultan Azlan Shah. Semua responden ini diberikan soalan soalselidik dan diberikan masa lima hari untuk menjawab soalan soal selidik tersebut.

4.2.1 Jantina Responden

JANTINA	Bilangan	Peratus
Lelaki	14	35%
Perempuan	26	65%
Jumlah	40	100%

Jadual 3: Perbandingan Jantina Responden

Kajian ini melibatkan 40 orang responden yang terdiri daripada 14 orang (35%) staf lelaki dan 26 orang (65%) staf perempuan. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden yang bekerja di bahagian pentadbiran dan kewangan dua sektor

awam ini adalah perempuan. Ini menunjukkan peningkatan wanita yang bekerja di sektor awam terutama bahagian pentadbiran dan kewangan telah meningkat. Ia juga menunjukkan sumbangan wanita dalam bidang pengurusan telah diiktiraf oleh pihak kerajaan.

4.2.2 Jawatan Responden

JAWATAN	Bilangan	Peratus
Pegawai	17	42.50%
Kakitangan Sokongan	23	57.50%
Jumlah	40	100%


Jadual 4: Perbandingan Jawatan Responden

Dari sudut jawatan, kajian ini telah melibatkan 17 orang (42.5%) kakitangan berpangkat pegawai dan 23 orang (57.5%) kakitangan sokongan. Gambaran ini menunjukkan bilangan kakitangan sokongan sangat diperlukan didalam pentadbiran sesuatu organisasi.

4.3 Keputusan Dan Analisis Soalan Kaji Selidik


Keputusan soal selidik ini dibahagikan mengikut kepada objektif kajian yang dilakukan.

4.3.1 Pembentangan objektif pemahaman penjawat awam terhadap kepentingan sistem kawalan dalaman dan audit dalaman dalam memastikan urus tadbir organisasi lebih cekap.




Rajah 1

Seperti yang dapat kita perhatikan, sebahagian besar pekerja iaitu 100% (32.5% dari skala "Setuju" dan 67.5% dari Skala "Sangat Setuju") iaitu 40 orang menjawab bahawa kawalan dalaman memastikan aset dan kakitangan awam secara besar-besaran. Oleh itu, kakitangan awam percaya bahawa dengan pelaksanaan sistem kawalan dalaman dapat menjaga kredibiliti seseorang kakitangan awam dalam menjalankan tugas.




Rajah 2

Menurut graf di atas, kita dapat melihat bahawa 87.5% pekerja iaitu 35 orang percaya bahawa Kawalan Dalaman menyumbang kepada pengoptimuman keberkesanan sektor awam. Setelah setiap kawalan dan risiko dikenal pasti serta ditangani akan membantu sektor awam mengoptimumkan kecekapannya. Terdapat 12.5% (5 orang) responden berkecuali dengan ini kerana mungkin mereka tidak mempunyai pandangan yang meluas mengenai Kawalan Dalaman.



Rajah 3

Terdapat 35 orang iaitu 87.5% kakitangan awam (62.5% sangat setuju dan 25% setuju) bahawa Audit Dalaman menyumbang kepada pemahaman dan menghadapi segala bahaya yang terdapat melalui pemeriksaan. Sebaliknya, 5 orang (12.5%) kakitangan awam berkecuali. Ini mungkin disebabkan Audit Dalaman adalah merupakan pihak yang memantau dan mengenal pasti risiko yang ada di sektor awam.




Rajah 4

Soalan keempat. merujuk kepada kewujudan rancangan Organisasi untuk setiap unit dan Jabatan untuk dipertingkatkan selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa. Dari rajah 4 dapat dilihat bahawa ada rancangan organisasi untuk setiap unit dan jabatan, kerana 30 (75%) responden (20% "Setuju" dan 55% "Sangat Setuju") memberi persetujuan keatas rancangan tersebut. Namun begitu terdapat 10 orang (25%) responden berkecuali. Kita dapat menganggap bahawa Rencana Organisasi memerlukan sedikit perbaikan. Tugas kerja mungkin berdasarkan pada rancangan dan setiap pekerja mengetahui dengan tepat tugas dan tanggungjawabnya di dalam unit dan jabatan tersebut.

Berdasarkan rajah 1, rajah 2, rajah 3, dan rajah 4 didapati hasil kajian menunjukkan sebilangan besar penjawat awam faham akan kepentingan sistem


kawalan dalaman dan audit dalaman dalam urus tadbir organisasi manakala hanya bilangan kecil sahaja yang kurang mengambil tahu akan kepentingan tersebut.

4.3.2 Pembentangan objektif kajian sistem kawalan dalaman dapat memastikan kredibiliti dan integriti penjawat awam lebih berkesan.




Rajah 5

Sebanyak 12 orang (30%) responden bersetuju manakala 17 orang (42.5%) responden adalah sangat bersetuju bahawa ada terdapat peraturan-peraturan dalam menjalankan tugas sebagai penjawat awam. Namun begitu terdapat juga iaitu dalam 11 orang (27.5%) responden bersikap berkecuali dalam perkara ini. Ini membolehkan kita menganggap bahawa beberapa pekerja belum menetapkan peraturan integriti dan Kod Etika.




Rajah 6

Soalan lain yang berkaitan dengan penilaian risiko adalah apakah Pengawasan Dalaman berlaku bukan hanya dalam keadaan biasa tetapi juga dalam keadaan tidak teratur. 6 orang (15%) responden mungkin tidak tahu sama ada kawalan dalaman berlaku atau tidak dalam keadaan biasa atau tidak teratur, dan itulah sebabnya jawapannya "berkecuali". Tetapi 28 orang (70%) responden bersetuju bahawa sasaran kawalan dalaman disesuaikan pada selang waktu yang tetap. Namun begitu sebanyak 6 orang (15%) responden tidak setuju bahawa kawalan dalaman berlaku pada setiap masa.




Rajah 7

Dalam soalan di atas, 20 orang (50%) responden sangat setuju dengan kenyataan bahawa matlamat yang ditetapkan oleh Pengurusan adalah realistik dan mudah dicapai dan 17 orang setuju akan perkara tersebut. Tetapi 3 orang (7.5%) responden percaya bahawa tidak semua tujuan dapat dicapai dengan mudah dan mereka memilih untuk berkecuali bagi soalan ini.



Rajah 8

Seperti yang dapat kita perhatikan, 40 orang (100%) responden setuju dengan kenyataan bahawa sistem kawalan dalaman mencegah dan melindungi transaksi haram. Tidak ada daripada responden yang memberikan jawapan negatif. Ini menunjukkan bahawa sistem kawalan dalaman perlu dilakukan bagi mengelakkan berlakunya transaksi yang tidak sepatutnya.




Rajah 9

Dalam kaji selidik soalan 9, 20 orang (50%) responden menjawab "Setuju" manakala 16 orang (40%) adalah "sangat setuju". Ini kerana, mereka percaya bahawa ada dasar dan prosedur yang menentukan cara bagaimana berbagai tugas di sektor awam dikendalikan. Namum begitu terdapat juga 4 orang (10%) responden yang berkecuali untuk soalan tersebut. Ini mungkin kakitangan ini masih keliru dengan dasar dan kaedah cara kerja dalam sektor awam.

Berdasarkan keputusan kajian daripada rajah 5, rajah 6, rajah 7, rajah 8, dan rajah 9 menunjukkan sebahagian besar iaitu lebih daripada 30 orang responden menyatakan bahawa sistem kawalan dalaman dapat memastikan penjawat awam lebih kredibiliti dalam menjalankan kerja dan lebih berintegriti. Ini adalah kerana sistem kawalan dalaman dapat memantau hasil kerja yang dilakukan oleh penjawat awam tersebut. Hanya sebahagian kecil iaitu kurang daripada 10 orang yang


menyatakan sistem kawalan dalaman kurang berkesan. Ini mungkin kakitangan tersebut beranggapan bahawa sistem kawalan dalaman tersebut hanya tertumpu kepada pekerja bawahan sahaja dan tidak menyeluruh didalam organisasi kerajaan.

4.3.3 Pembentangan objektif kajian permasalahan yang dihadapi dalam melaksanakan sistem kawalan dalaman bagi tujuan audit dalaman.




Rajah 10

Dilihat pada soalan 10, 100% responden iaitu 40 orang bersetuju bahawa kawalan dalaman meyakinkan jika terdapat operasi sistem pengkomputeran yang betul dan terdapat perlindungan penuh terhadap data operasi di sektor awam.




Rajah 11

Sebilangan besar pekerja bersetuju bahawa kawalan dalaman dapat menjangka kesalahan yang berlaku didalam sektor awam. Sebanyak 34 orang (85%) responden berada dalam skala setuju dan sangat setuju. Hanya sebilangan kecil iaitu 6 orang (15%) responden berada dalam skala berkecuali dengan pernyataan ini. Ini mungkin kakitangan awam ini mengatakan kesalahan yang berlaku itu bukan dapat dikesan oleh kawalan dalaman semata-mata.




Rajah 12

Seperti yang dapat dilihat, dalam graf di atas, 10 orang (25%) responden percaya bahawa kadang-kadang transaksi boleh disemak sama ada atau tidak dibuat oleh kerani yang berkaitan. Walau bagaimanapun, majoriti responden 75% iaitu 30 orang percaya bahawa audit dalaman "memantau" semua transaksi yang dilakukan oleh pekerja yang berkaitan.



Rajah 13


40 orang (100%) responden percaya bahawa juruaudit dalaman mempunyai akses sepenuhnya ke semua data dan maklumat yang diperlukan untuk kawalan dalaman.



Rajah 14

Sebilangan besar kakitangan awam iaitu 37 orang (92.5%) bersetuju bahawa kawalan dalaman bertindak secara bebas dan tidak berat sebelah. Ini bermaksud bahawa sistem kawalan dalaman adalah bahagian penting dalam operasi semua bahagian dan jabatan dalam sektor awam. Namun begitu terdapat sebilangan kecil iaitu 3 orang (7.5%) responden berada dalam pendirian berkecuali.

Soalan 15: Juruaudit dalaman boleh melakukan pemeriksaan keatas aset dan transaksi yang berlaku dalam sektor awam pada bila-bila masa yang tidak ditentukan.




Rajah 15

Dalam soalan 15, kita dapat melihat bahawa 37 orang (92.5%) responden percaya bahawa juruaudit boleh melakukan pemeriksaan keatas aset dan transaksi yang berlaku dalam sektor awam pada bila-bila masa yang tidak ditetapkan. Ini adalah satu cara untuk meningkatkan kualiti dan ketelusan dalam perkhidmatan awam.


Berdasarkan keputusan soal selidik yang digambarkan dalam rajah 10, rajah 11, rajah 12, rajah 13, rajah 14, dan rajah 15 dapat dilihat bahawa sebahagian besar penjawat awam yang mengikuti soal selidik ini berpendapat permasalahan yang timbul dalam pelaksanaan sistem kawalan dalaman dan audit dalaman di sektor awam telah diatasi dengan mengambil langkah-langkah pelaksanaan yang lebih sistematik bagi menjamin keberkesanan sistem tersebut.

4.3.4 Pembentangan objektif kajian penerimaan penjawat awam untuk melaksanakan audit dalaman bagi tujuan memantapkan lagi mutu perkhidmatan yang ditawarkan.



Rajah 16


Sebilangan besar pekerja iaitu 34 orang (85%) responden percaya bahawa tidak ada hubungan peribadi antara juruaudit dan pekerja. Hanya 3 orang (2.5%) responden sahaja yang setuju. Oleh itu, kita dapat menganggap bahawa tidak ada perubahan yang harus dilakukan untuk memperbaikinya kerana sudah bertambah baik.



Rajah 17


Pandangan kakitangan awam adalah sangat positif terhadap soalan nombor 17 dimana 35 orang (87.5%) responden adalah bersetuju bahawa kakitangan awam telah ditentukan bidang tugas dan tanggungjawab dengan baik. Namun begitu terdapat juga 5 orang (12.5%) responden memilih untuk berkecuali. Ini mungkin mereka percaya bahawa tidak semua tugas dan tanggungjawab ditentukan dengan baik kepada mereka.

Soalan 18: Pengetahuan komputer dan teknologi maklumat dapat menyumbang kepada pengendalian dan peningkatan pengawasan dalam perkhidmatan awam.




Rajah 18

Semua responden iaitu 40 orang (100%) sangat percaya bahawa pengetahuan komputer dan teknologi maklumat menyumbang kepada kawalan atau bahkan peningkatan pengawasan dalam perkhidmatan awam. Tidak perlu penambahbaikan pada ketika ini.



Rajah 19

Sebanyak 37 orang (92.5%) responden bersetuju bahawa operasi dalam perkhidmatan awam telah diperiksa dengan betul. Ini menunjukkan ketelusan dalam setiap operasi dalam perkhidmatan awam. Terdapat juga responden yang berkecuali iaitu 3 orang (7.5%). Ini mungkin mereka beranggapan pemeriksaan yang telah dilakukan tidak sangat telus.



Rajah 20

Akhirnya, seperti yang kita perhatikan, 36 orang (90%) daripada jumlah responden percaya bahawa hasil laporan audit ditunjukkan kepada semua pegawai, untuk meningkatkan produktiviti dan sifat kompetitif mereka.

Berdasarkan keputusan yang ditunjukkan dalam rajah 16, rajah 17, rajah 18, rajah 19, dan rajah 20 dapat disimpulkan bahawa lebih 30 orang daripada 40 orang penjawat awam yang mengikuti soal selidik ini menerima pelaksanaan audit dalaman dalam organisasi bagi tujuan memantapkan lagi mutu perkhidmatan.

KESIMPULAN DAN CADANGAN PENYELIDIKAN MASA DEPAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan meringkaskan penemuan yang diperolehi dari analisis tindakbalas soal selidik dan dari tinjauan literatur. Pengkaji akan memberikan cadangan untuk penyelidikan lebih lanjut bagi mengembangkan fungsi pengendalian dalaman di sektor awam pada masa hadapan.

5.2 Kesimpulan Kajian

Sebagai permulaan, untuk mengetahui keberkesanan kawalan dalaman pengkaji menggunakan model (kerangka) yang dikembangkan oleh Jawatankuasa COSO, yang merupakan salah satu alat terbaik untuk penilaian keberkesanan sistem kawalan dalaman. Berdasarkan kerangka kawalan dalaman COSO yang terdiri daripada lima komponen yang menganggarkan keberkesanan audit dalaman. Dalam soal selidik, 2 soalan untuk setiap komponen digunakan.

Metodologi penyelidikan yang digunakan dalam projek ini, adalah dengan mengirim borang soal selidik di 2 sektor awam di dalam daerah Tanjung Malim. Dari hasil analisis statistik soal selidik dan dengan bantuan Skala Likert yang mengklasifikasikan respons ("Sangat Tidak Setuju", "Tidak Setuju", "Berkecuali", "Setuju", "Sangat Setuju"), beberapa kesimpulan telah dapat dihasilkan.

Dari keseluruhan soal selidik, kita dapat menganggap bahawa pekerja akur pada kawalan dalaman kerana setiap pekerja dalam sektor awam tahu akan tugas dan kewajiban mereka. Namun begitu mereka perlu melakukan beberapa penambahbaikan terhadap tanggungjawab mereka kerana kadang-kadang mereka menimbulkan kekeliruan dalam prestasi kerja mereka dan semasa audit.

Urusan perkhidmatan awam dikendalikan melalui prosedur audit dan juruaudit dalaman dilatih dengan betul dan menggabungkan kawalan secara harmoni kerana terdapat kerjasama antara semua jabatan dengan bahagian kawalan dalaman.

Jabatan dalam sektor awam harus mempertimbangkan hasil soal selidik bagi menyelesaikan beberapa masalah yang timbul di dalam persekitaran mereka. Sektor awam harus memiliki sistem kawalan dalaman yang efektif dan satu sistem yang dapat mempertimbangkan risiko yang terdapat di setiap jabatan dalam sektor awam tersebut. Ia juga harus sesuai dengan keperluan yang diamalkan dalam sistem kawalan dalaman. Juruaudit dalaman juga haruslah bekerja tanpa tekanan dan tempoh masa yang terhad. Ini kerana tekanan dan tempoh masa yang terhad ini akan mempengaruhi proses pengumpulan bukti yang sesuai dan mencukupi. Juruaudit dalaman juga harus mengira aduan mengenai kerosakan kerana biasanya aduan tersebut adalah benar dan bukannya palsu.

Ringkasnya, kelancaran fungsi jabatan, komitmen, dan amanah dikalangan kakitangan awam adalah teras kepada peningkatan mutu dalam perkhidmatan awam.

5.3 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan dalam kajian yang dilakukan. Namun begitu kajian ini dijangka akan dapat memenuhi tujuan kajian kes yang dilakukan.

Antara batasan dalam kajian ini adalah masa yang diperuntukkan oleh pihak universiti. Peruntukan masa yang diberi menghadkan proses pengumpulan data. Oleh itu pengkaji hanya memfokuskan kepada 40 orang responden sahaja di dua sektor awam di dalam daerah Muallim. Kos dalam penyediaan maklumat juga memberi batasan kepada pengkaji dalam membuat kajian ini. Pengkaji hanya menggunakan instrumen yang sedia ada bagi menyediakan kajian ini.

Pandemik covid-19 yang melanda negara pada tempoh kajian ini juga telah menghadkan pergerakan untuk melakukan kajian. Pengkaji hanya menggunakan medium dalam talian untuk berhubung dengan responden.

5.4 Cadangan Kajian Di Masa Hadapan

Kajian lebih lanjut dapat dilakukan untuk setiap sektor dan jabatan dalam perkhidmatan awam dengan lebih meluas. Ini sudah pasti akan menghasilkan kesimpulan dan perbandingan tentang keadaan dan sejauh mana pengendalian operasi dalaman sektor awam. Namun begitu ia memerlukan lebih banyak masa dan juga kesediaan jabatan-jabatan dalam perkhidmatan awam untuk mengambil bahagian dalam kaji selidik tersebut.

Kajian lain yang boleh dilakukan juga adalah untuk keberkesanan juruaudit dalaman dalam sektor awam. Ini dapat menggambarkan keseluruhan tanggungjawab juruaudit dalaman di perkhidmatan awam.

RUJUKAN

- A Md Ali, JD Gloeck, A Ali, A Ahmi & MH Sahdan. (2007). Internal audit in the state and local governments of Malaysia. *Southern African Journal of Accountability and Auditing*, 7, 32-41.
- Agbejule, A. and Jokipii, A. (2009), "Strategy, control activities, monitoring and effectiveness", *Managerial Auditing Journal*, Vol. 24 No. 6, pp. 500-522.
- Aikins, S.K. 2011. An examination of government internal audits' role in improving financial performance. *Public Finance & Management* 11(4): 306-337.
- Alam, M. M., Said, J., & Abd Aziz, M. A. (2019). Role of integrity system, internal control system and leadership practices on the accountability practices in the public sectors of Malaysia. *Social Responsibility Journal*.
- Al-Marhubi, Fahim. (2000). Corruption and inflation. *Economics Letters*. Vol. 66, Issue 2, Februari 2000, 199-202.
- Al-Qudsy, Sharifah Hayaati Syed Ismail, Rahman, Asmak Ab., and Zain, Mohd. Izani bin Mohd. (2009). Penguahan nilai dan profesionalisme di kalangan penjawat awam kearah efektif governan di Malaysia. *Jurnal Syariah*. Jil. 17, Bil. 3 (2009). 559-592.
- Aziz, M., Said, J., & Alam, M. (2015). Assessment of the practices of internal control system in the public sectors of Malaysia. *Aziz, MAA, Said, J., and Alam, MM*, 43-62.
- Aziz, N.A.A. (2013), "Managing corporate risk and achieving internal control through statutory compliance", *Journal of Financial Crime*, Vol. 20 No. 1, pp. 25-38.
- Badara, M.S. & Siti, Z.S. 2013a. Antecedents of internal audit effectiveness: A moderating effect of effective audit committee at local government level in Nigeria. *International Journal of Finance and Accounting* 2(2): 82-88.
- Baharud-din, Z., Shokiyah, A., & Ibrahim, M. S. (2014). Factors that contribute to the effectiveness of internal audit in public sector. *International Proceedings of Economics Development and Research*, 70, 126.
- Bianchi, C. (2010), "Improving performance and fostering accountability in the public sector through system dynamics modelling: from an 'external' to an 'internal' perspective", *Systems Research and Behavioral Science*, Vol. 27 No. 4, pp. 361-384.
- Bierstaker, J. L., Brody, R. G., & Pacini, C. (2006). Accountants' Perceptions regarding Fraud Detection and Prevention Methods. *Managerial Auditing Journal*, 21(5), 520-535. <https://doi.org/10.1108/02686900610667283>
- Bowrin, A.R. (2004), "Internal control in Trinidad and Tobago religious organizations", *Accounting, Auditing & Accountability Journal*, Vol. 17 No. 1, pp. 121-152.

- Bryman, A. & Bell, E. 2011. *Business Research Method*. 3rd edition. New York: Oxford University Press.
- C. Okafor and P. Ibadin. "The imperatives of intrnal audit in nigerian banks: Issues and prospects," *Global Journal of Social Sciences*,8 (2): 21-27, 105, 2009.
- Candrea, P. J. (2006) "Controlling Internal Controls", *Public Administration Review*, pp. 463 - 465.
- Chenhall, R.H. 2003. Management control systems design within its organizational context: Findings from contingencybased research and directions for the future. *Accounting, Organizations and Society* 28(2-3): 127-168.
- Cohen, A. & Sayag, G. 2010. The effectiveness of internal auditing: an empirical examination of its determinants in Israeli organisations. *Australian Accounting Review* 20(3): 296 - 307.
- Cosmin, D.E. 2011. Enhancing assets' protection through an adequate monitoring of internal control system by internal audit. *Economic Science Series* 20(2): 491-498.
- Cristina, B. & Cristina, P. 2008. Measuring and assessment of internal audit's effectiveness. *Economic Science Series* 58: 784-791.
- D. G. Mihret and A. W. Yismaw, "Internal audit effectiveness: An ethiopian public sector case study," *Managerial Auditing Journal*, 22(5): 470 – 484, 2007.
- Fadzil, F.H., Haron, H. and Jantan, M. (2005), "Internal auditing practices and internal control system", *Managerial Auditing Journal*, Vol. 20 No. 8, pp. 844-866.
- Faudziah, H.F., Hasnah, H. & Muhamad, J. 2005. Internal auditing practices and internal control system. *Managerial Auditing Journal* 20(8): 844-866.
- G. Saren and I. De Beelde. "Internal Auditor' perception about their roles in risk management: A comparison between US and Belgium companies," *Managerial Accounting Journal*, 21(1), pp 63-80, 2006.
- Graham, L. (2015). *Internal control audit and compliance*. 1st ed. Hoboken, New Jersey: Wiley, pp.4-5, 9.
- Haron, H., Ibrahim, D.D.N., Jeyaraman, K. and Chye, O.H. (2010), "Determinants of internal control characteristics influencing voluntary and mandatory disclosures: a Malaysian perspective", *Managerial Auditing Journal*, Vol. 25 No. 2, pp. 140-159.
- Heo, J. & Han, I. 2003. Performance measure of information systems (IS) in evolving computing environments: an empirical investigation. *Information & Management* 40(4): 243-256.
- INTOSAI. 2004. *International Organisation of Supreme Audit Institutions. The guidelines for internal control standards fot the public sector are presented for approval by the XVIII INCOSAI*. Budapest. Retrieved: 25/11/2020. <http://www.intosai.org/about-us.html>.

- Karagiorgos, T., Drogalas, G. & Giovanis, N. 2011. Evaluation of the effectiveness of internal audit in Greek Hotel Business. *International Journal of Economic Sciences and Applied Research* 4(1): 19-34.
- KPMG Malaysia. (2009). *Fraud Survey Report 2009*. KPMG Malaysia
- Lansiluoto, A., Jokipii, A., & Eklund, T. (2016). Internal Control Effectiveness: A clustering approach. *Managerial Auditing Journal*, 31(1), 5–34.
- Lawrence, P.R. & Lorsch, J.W. 1967. Differentiation and integration in complex organizations. *Administrative Science Quarterly* 12(1): 1-47
- Lee, S. (2016). Sabah Water Department Director Released on Bail. *The Star Online*, https://www.thestar.com.my/news/nation/2016/10/16/sabah-water_opsdirector_released/#4G8tZtk5cOKTBWfl.9 [20/11/2020]
- Ling, S. (2018). Four BTN Officers among 10 Arrested Over RM600,000 in False Claims. *The Star Online*, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/08/02/four-btlofficers-among-10-arrested-over-rm600000-in-false-claims/> [20/11/2020]
- Liu, O. (2011), “Outcomes assessment in higher education: challenges and future research in the context of voluntary system of accountability”, *Educational Measurement: Issues and Practice*, Vol. 30 No. 3, pp. 2-9.
- M. Dittenhofer. “Internal auditing effectiveness: An expansion of present methods,” *Managerial Auditing Journal*, vol. 16/8: 443 – 450, 2001.
- Mizan, K., Nawawi, Z. A., Azlin, A. S., & Salin, P. (2016). Internal Controls and Fraud: Empirical evidence from oil & gas company. *Journal of Financial Crime*, 23(4). <https://doi.org/10.1108/13590791011082797>
- Ninlaphay, S., Ussahawanitchakit, P. & Boonlua, S. 2012. Internal control system effectiveness and ongoing firm sustainability: Evidence from financial businesses in Thailand. *Journal of International Finance & Economics* 12(4): 61-84.
- Omar, N., & Bakar, K. M. A. (2012). Fraud prevention mechanisms of Malaysian government-linked companies: An assessment of existence and effectiveness. *Journal of Modern Accounting and Auditing*, 8(1), 15-31.
- Pathak, J. (2005), “Risk management, internal controls and organizational vulnerabilities”, *Managerial Auditing Journal*, Vol. 20 No. 6, pp. 569-577.
- Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004, Pelaksanaan Audit Dalam Di Kementerian/Jabatan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri. <http://www.dvs.gov.my/dvs/resources/auto%20download%20images/560b6f95c1e7.pdf> [5/11/2020]
- Radu, L. D. (2012). Some Considerations over the Internal Control in the Context of Current Accountancy Regulations. *Faculty of Economic Sciences Magazine*, 688-693.

- Rock, M. T. and Bonnett, H. (2004). The comparative politics of corruption: accounting for the east Asian paradox in empirical studies of corruption, growth and investment. *World Development*. Vol. 32, Issue 6, June 2004. 999-1017.
- Rosli, M. H., Aziz, M. A., Mohd, F., & Said, J. (2015). Integrity Systems in Malaysian Public Sector: An Empirical Finding. *Procedia Economics and Finance*, 28(April), 260–265. [https://doi.org/10.1016/S2212-5671\(15\)01109-0](https://doi.org/10.1016/S2212-5671(15)01109-0)
- Rudhani, L. H., Vokshi, N. B., & Hashani, S. (2017). Factors contributing to the effectiveness of internal audit: Case study of internal audit in the public sector in Kosovo.
- Sawalqa, F. Al, & Qtish, A. 2012. Internal control and audit program effectiveness: Empirical evidence from Jordan. *International Business Research* 5(9): 128-138.
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (t.t.). Statistik data pesalah rasuah. Dicapai dari <http://www.sprm.gov.my/index.php/statistik-data-pesalah> [20/11/2020]
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (t.t.). Statistik tangkapan. Dicapai dari <http://www.sprm.gov.my/index.php/penguatkuasaan/statistik-operasi/statistik-tangkapan> [20/11/2020]
- Tan Sri Mohd Sidek Bin Haji Hassan (2006). Isu-Isu Tadbir Urus Dan Integriti Dalam Perkhidmatan Awam: Dulu, Kini Dan Masa Depan, Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif. <https://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=sidek&id=3745>
- The Institute Of Internal Auditors (2013), Takrif Audit Dalaman. [https://na.theiia.org/standards-guidance/Public%20Documents/IPPF-2013 Malay.pdf](https://na.theiia.org/standards-guidance/Public%20Documents/IPPF-2013%20Malay.pdf) [5/11/2020]
- Wardiwiyono, S. (2012), “Internal control system for Islamic micro financing: an exploratory study of baitul maal wat tamwil in the city of Yogyakarta Indonesia”, *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, Vol. 5 No. 4, pp. 340-352.